

## RIBA DALAM AL-QUR'ĀN DAN AL-SUNNAH

SHARIFAH FAIGAH SYED ALWI

Unit Pendidikan dan Tamadun Islam  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,  
26400 Bandar Jengka, Pahang.  
MALAYSIA

### ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai riba dalam perundangan Islam. Riba atau interest merupakan salah satu istilah dalam terminologi Islam yang amat kerap di timbulkan dalam persoalan harta dan kewangan. Islam mengharamkan sebarang bentuk amalan riba dalam sistem ekonomi dan kewangannya manakala riba merupakan fundamental atau teras dalam sistem ekonomi konvensional. Islam sebaliknya telah mengemukakan al-Bay' atau jual beli sebagai alternatif kepada amalan riba dalam sistem kewangannya. Kajian ini mengupas mengenai dalil pengharaman riba yang terdapat dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah serta pengertian sebenar riba mengikut hukum fiqh Islam. Perbezaan di antara riba dan al-Bay' juga diperjelaskan. Sesungguhnya ajaran Islam datang sebagai tanda rahmat dan kasih sayang Allah s.w.t. kepada seluruh umat manusia dalam setiap aspek kehidupan.

### PENDAHULUAN

Riba merupakan satu istilah yang cukup signifikan dalam terminologi Islam. Dalil pengharaman riba terdapat dalam kedua-dua sumber utama perundangan Islam iaitu al-Qur'ān dan al-Sunnah. Allah s.w.t. menjanjikan balasan buruk dan azab yang pedih kepada mana-mana individu yang mengamalkan riba dalam kehidupan seharian. Namun, realiti umat Islam di Malaysia hari ini tidak semua mempunyai kefahaman yang jelas tentang riba dan pengharamannya. Masih ramai umat Islam yang terus menggunakan perkhidmatan perbankan konvensional walaupun setelah Bank Islam Malaysia Berhad ditubuhkan pada tahun 1983.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Radiah Abdul Kader pada tahun 1991, beliau mendapati 99 % daripada umat Islam yang menggunakan perkhidmatan perbankan berasaskan riba bukan tidak pernah mendengar tentang perkataan riba. Namun, hanya 45.2 % sahaja yang memahami bahawa riba adalah sama dengan faedah atau interest yang terdapat di bank-bank konvensional. Selebihnya iaitu sebanyak 32.7 % daripada umat Islam tersebut merasa tidak pasti atau tidak bersetuju bahawa riba dan faedah adalah perkara sama yang diharamkan Islam.

Berdasarkan kepada kajian tersebut jelas menunjukkan sebab utama masih ramai umat Islam menggunakan perkhidmatan perbankan berasaskan riba adalah kurangnya kefahaman dan kejahilan mereka tentang konsep riba yang sebenarnya.

### **PENGHARAMAN RIBA DALAM AL-QUR'ĀN DAN AL-SUNNAH**

Semua umat Islam mesti meyakini bahawa dengan keagungan dan kebesaran Allah telah menjadikan alam semesta dan segala kekayaannya adalah untuk manfaat manusia. Firman Allah s.w.t yang bermaksud ;

“Dialah Tuhan yang menjadikan apa yang ada di bumi seluruhnya untuk kamu...”

Surah al-Baqarah (2) : 29

Justeru itu, apabila Allah s.w.t. memerintahkan manusia menjauhi riba bukanlah bermakna riba tersebut tidak bermanfaat sedikitpun tetapi perlu diingat mudarat kesan riba kepada manusia pada keseluruhannya lebih besar. Begitu juga dengan pengharaman arak dan judi di dalam al-Qur'an. Firman Allah s.w.t yang bermaksud ;

“Mereka bertanya kepada kamu (wahai Muhammad) tentang arak dan judi. Katakanlah (wahai Muhammad) ; Pada keduanya itu ada dosa besar dan ada manfaat kepada manusia tetapi dosanya lebih besar dari manfaatnya.”

Surah al-Baqarah (2) : 219

### **RIBA DALAM AL-QUR'ĀN**

Proses pengharaman riba dalam Islam berlaku sama seperti proses pengharaman arak iaitu secara beransur-ansur. Hikmah berlakunya pengharaman secara beransur-ansur ini kerana keadaan ekonomi masyarakat pada zaman Rasulullah s.a.w. diutuskan itu begitu sebatian dengan amalan riba. Seandainya riba diharamkan secara sekaligus, keadaan masyarakat pada masa itu akan terganggu dan menimbulkan kesukaran serta keadaan yang tidak selesa kepada kehidupan mereka.

Perkataan riba disebut sebanyak lapan kali di dalam al-Qur'ān. Perkataan riba disebut hanya sekali di dalam ketiga-tiga surah iaitu surah al-Rūm, surah al-Nisā' dan surah Āli Imrān. Manakala dalam surah al-Baqarah pula perkataan riba disebut sebanyak lima kali.

### **Ayat Mengenai Riba Yang Pertama Diturunkan**

Firman Allah yang bermaksud ;

“Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan berkembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda.”

Surah al-Rūm (30) : 39

Ayat di atas yang diturunkan di Mekah di atas merupakan ayat pertama yang menyebut perkataan riba di dalam al-Qur’ān. Allah s.w.t mengingatkan umat manusia tentang riba yang tidak akan menambahkan kekayaan individu atau sesebuah negara di sisi Allah. Sebaliknya riba hanya akan mengurangkan kekayaan manusia. Allah s.w.t juga menjanjikan balasan yang berlipat ganda bagi sesiapa yang membelanjakan hartanya di jalan kebajikan. Ayat di atas diturunkan ekoran dari kegiatan pedagang-pedagang di kota Mekah yang terkenal dengan kegiatan import dan eksport serta pemunggaan dan penghantaran barang-barang dagangan. Pedagang-pedagang ini juga melibatkan diri dalam kegiatan spekulasi dan memberi pinjaman dengan riba bagi mengelakkan wang mereka tidak produktif dan tiada pulangan sementara menunggu kedatangan rombongan perdagangan yang singgah di kota Mekah. Ini kerana kota Mekah pada masa itu merupakan bandar pertemuan perdagangan barat dan timur yang begitu maju dan berkembang dengan kegiatan perniagaan dan perdagangan.

### **Ayat Mengenai Riba Yang Kedua Diturunkan**

Firman Allah yang bermaksud ;

“Dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba padahal mereka telah dilarang melakukannya, dan (disebabkan) mereka memakan harta orang dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya). Dan (ingatlah) kami telah menyediakan bagi orang-orang kafir (engkar) di antara mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

Surah al-Nisā’ (4) : 161

Ayat yang diturunkan di Madinah iaitu selepas hijrah Rasulullah s.a.w. ini telah menimbulkan salah faham di kalangan bijak pandai sama ada ia ditujukan kepada orang Islam atau orang Yahudi yang terdapat di Madinah. Riba merupakan salah satu larangan yang terdapat di dalam kitab Taurat yang sering diabaikan oleh orang Yahudi. Para nabi sebelum Nabi Muhammad s.a.w. telah mengingatkan dan memberi amaran tentang ketidakadilan yang lahir dari riba yang diamalkan oleh orang Yahudi. Dalam masa yang sama, ayat ini mengingatkan orang-orang Islam agar tidak menurut jejak langkah orang Yahudi dan menjauhi diri mereka dari amalan riba. Barangsiapa yang ingkar terhadap perintah Allah s.w.t. dengan mengamalkan riba dalam kehidupan akan menjadi seperti orang-orang Yahudi yang dilaknat Allah s.w.t. kerana mempermain-mainkan perintahNya.

### **Ayat Mengenai Riba Yang Ketiga Diturunkan**

Firman Allah s.w.t.yang bermaksud ;

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya. Dan peliharalah diri kamu dari api neraka yang disediakan bagi orang-orang kafir.”

Surah Āli-Imrān (3) : 130 – 131

Ayat di atas merupakan ayat pertama pengharaman riba secara nas yang terang. Larangan tersebut diturunkan sesudah perang Uhud yang berlaku pada tahun ketiga Hijrah. Allah s.w.t. menggunakan ungkapan riba dengan sifat Ad'āfan mudā'afah iaitu riba yang berlipatganda. Ungkapan ini begitu berbeza dengan ayat-ayat riba yang lain di dalam al-Qur'ān. Oleh itu, terdapat sesetengah ulama yang membuat kesimpulan bahawa riba yang diharamkan di dalam al-Qur'ān hanyalah riba yang berganda dan berlipat kali ganda. Namun, kebanyakan ulama terkemuka seperti Syeikh Sayyid Qutb dalam bukunya *In the Shades of Qur'ān*, Syeikh Mohammad Abduh dan Syeikh Mahmud Shaltut memberi tafsiran perkataan berganda itu hanyalah merupakan teguran Allah terhadap kesalahan riba dan mengeji perbuatan tersebut. Mereka juga memutuskan bahawa besar atau kecilnya jumlah riba tidak memainkan peranan dalam menentukan haram atau halalnya riba.

### **Ayat Terakhir Mengenai Riba Diturunkan**

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud ;

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan : “Bahawa sesungguhnya berjual beli itu sama sahaja seperti riba”. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli (berniaga) dan mengharamkan riba”. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) daripada Tuhannya lalu ia berhenti (daripada mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil ) riba, dan Ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran dan selalu melakukan dosa.

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal saleh, dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (daripada berlaku sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman.

Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu, akan adanya peperangan daripada Allah dan Rasulnya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.

Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya. Dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau

kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang akan kamu dapati kelak).

Dan peliharalah diri kamu dari huru hara hari (kiamat) yang padanya kamu akan dikembalikan kepada Allah. Kemudian akan disempurnakan balasan tiap-tiap seorang menurut apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun”.

Surah al-Baqarah (2) : 275 –281

Ayat-ayat dalam surah al-Baqarah di atas diturunkan di Thaif bila mana dakwah Nabi Muhammad s.a.w hampir selesai di seluruh Semenanjung Tanah Arab. Ayat terakhir mengenai riba ini juga merupakan ayat-ayat hukum yang terakhir diturunkan iaitu tiga bulan sebelum kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. Ayat-ayat al-Qur’ān di atas juga menyatakan dengan jelas tentang pengharaman riba tanpa ada sedikitpun ruang keraguan atau kekurangan yang boleh menjejaskan hukum riba. Jika di dalam surah Āli ‘Imrān ayat 130-131 terdapat ayat permulaan pengharaman riba, kita dapati pula di dalam ayat riba yang terdapat di dalam surah al-Baqarah ini pula menyatakan tentang balasan bagi orang yang memakan atau mengambil riba di dalam sistem kehidupan.

Segala bentuk urusan riba adalah diharamkan Allah s.w.t. dan sebagai gantinya perniagaan atau jual beli telah dihalalkan. Allah juga memerintahkan agar orang-orang yang beriman meninggalkan saki baki riba yang telah diamalkan sebelum penurunan ayat ini dan meminta mereka mengambil modal pokok sahaja. Allah juga mengisytiharkan perang kepada pemberi-pemberi hutang berasaskan riba. Di dalam surah ini juga disebutkan satu keadaan bila mana orang-orang yang berhutang mengalami kesukaran untuk membayar kembali hutang mereka, si pemiutang perlulah memberi tempoh penangguhan yang cukup tanpa mengenakan apa-apa caj tambahan. Allah juga menjelaskan seandainya si pemiutang mahu menyedekahkan hutangnya kepada penghutang, itulah amalan yang paling baik di sisi Allah s.w.t..

### **RIBA DALAM AL-SUNNAH**

Al-Sunnah atau al-Hadith merupakan sumber utama kedua dalam sistem perundangan Islam selepas al-Qur’ān. Terdapat begitu banyak hadith yang menyebut tentang riba. Hadith-hadith tersebut datang dalam tiga bentuk iaitu hadith arahan, hadith huraian dan hadith peringatan.

## **Hadith Arahan**

Hadith dalam bentuk ini lebih merupakan arahan Nabi Muhammad s.a.w. kepada umat Islam agar tidak mengamalkan riba dalam kehidupan. Terdapat dua contoh hadith arahan yang bermaksud ;

### Hadith yang pertama :

Daripada Abū Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda; “Jauhilah tujuh dosa besar yang merosakkan”. Kami berkata “Perkara apakah itu wahai Rasulullah ?” Rasulullah s.a.w. menjawab; “Syirik kepada Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan Allah, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan peperangan dan menuduh perempuan yang beriman lagi suci telah melakukan zina”.

### Hadith yang kedua :

Diriwayatkan oleh ‘Aun bin Abi Juhaifah ; “ Bapaku membeli hamba yang mengamalkan pekerjaan membekam (membuat tatu) dan bapaku kemudiannya memusnahkan alatan membekam hamba tersebut. Aku bertanya kepada bapaku mengapa beliau berbuat demikian.” Dia menjawab; “Rasulullah s.a.w. melarang daripada menerima harga anjing dan harga darah, dan baginda juga melarang pekerjaan membuat tatu, memiliki tatu, menerima dan memberi riba dan mengeji pembuat gambar.”

## **Hadith Huraian**

Hadith ini menjelaskan bentuk urusan niaga dan suasana perdagangan tertentu yang boleh melahirkan unsur riba. Terdapat beberapa contoh hadith huraian ini yang bermaksud ;

### Hadith yang pertama :

Diriwayatkan oleh ‘Ubādah bin al-Sāmit bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: “Tukarkanlah emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam dengan kuantiti yang sama dan dari tangan ke tangan ( secara tunai) semasa pertukaran itu dibuat. Tetapi jika terdapat perbezaan dari segi jenis (bukan barangan sejenis), maka tukarkanlah ia mengikut kesukaan kamu, tetapi hendaklah ditukar dari tangan ke tangan (secara tunai).”

### Hadith yang kedua :

Abū Sa‘id al-Khudri meriwayatkan daripada Abū Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. telah melantik seseorang sebagai Gabenor Khaibar. Beliau telah membawa



kurma yang bermutu tinggi kepada Rasulullah s.a.w. yang bersabda : “Ada penduduk Khaibar menghasilkan kurma yang sama di seluruh negara?” Beliau menjawab, “Tidak. Demi Allah Ya Rasulullah. Kami membeli satu sā’ kurma seperti ini (bermutu tinggi) dengan dua sā’ kurma dari jenis yang lain.” Rasulullah s.a.w. bersabda, “Jangan buat begitu (lagi). Mula-mula kamu mesti jual kurma (yang bermutu rendah) itu pada harga pasaran dan kemudian kamu belilah kurma yang bermutu tinggi. Apabila kamu menukar kurma dengan kurma, timbangannya (kuantiti) mestilah sama.”

### **Hadith Peringatan**

Hadith ini berperanan memberi amaran tentang balasan buruk yang akan diterima oleh sesiapa yang mengamalkan riba dalam kehidupan. Terdapat beberapa contoh hadith peringatan ini yang bermaksud :

#### Hadith yang pertama :

Diriwayatkan oleh Samurah bin Jundab bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Malam ini aku bermimpi datang dua orang yang membawaku ke tanah suci. Di dalam perjalanan, kami sampai di suatu sungai darah, dimana di dalamnya berdiri seorang lelaki. Di tebing sungai tersebut berdiri seorang lelaki lain dengan batu di tangannya. Lelaki yang berada di tengah sungai itu cuba untuk keluar, tetapi lelaki yang satu lagi membaling batu ke dalam mulutnya dan memaksanya pulang semula ke tempat asalnya. Apabila lelaki di tengah sungai itu cuba keluar semula, lelaki yang satu lagi akan membaling semula batu ke mulutnya dan memaksanya kembali ke tempat asal. Aku bertanya, “Siapakah itu?” Aku diberitahu bahawa lelaki yang berada di tengah sungai itu ialah orang yang memakan riba.”

#### Hadith yang kedua :

Jabir berkata bahawa Rasulullah s.a.w. mengeji penerima riba, pembayarinya, orang yang mencatatkan dan dua orang saksi; dan Baginda bersabda: “Mereka semuanya sama.”

### **DEFINISI RIBA**

Perkataan al-Ribā dari sudut bahasa bererti al-Ziyādah iaitu pertambahan, Al-Numuwu iaitu berkembang, al-Idāfah iaitu lebihan kepada sesuatu dan al-Namā’ iaitu tumbuh atau bertambah besar. Namun, bukan bererti setiap penambahan atau lebihan kepada sesuatu tidak dibenarkan dalam Islam. Contohnya tambahan atau lebihan yang dikenakan pada harga asal atau kos asal sesuatu barangan dalam perniagaan dinamakan untung dan ia dibenarkan dalam Islam. Terdapat pelbagai tafsiran diberikan oleh ulama fiqh dan ahli-ahli ekonomi



Islam terhadap perkataan al-ribā dari sudut syarak. Di antara pengertian al-ribā yang telah diberikan adalah seperti berikut :

- i- Pendapat para Fuqaha bahawa al-ribā adalah aqad ke atas barang gantian yang telah ditentukan (bayarannya), tetapi tidak diketahui persamaan nilainya (dengan jenis barang yang asal) mengikut syarak pada ketika akad, atau kerana menanggukkan kedua-dua pertukaran barang-barang tersebut atau salah satu dari dua pertukaran.
- ii- Ibn Jarir pula menerangkan mengenai riba di dalam kitab tafsirnya iaitu “Sesungguhnya riba di kalangan orang-orang Jahiliyyah itu ialah apabila seseorang menjual sesuatu barang dengan bayaran bertanggung pada suatu masa yang ditentukan. Tetapi apabila sampai tempoh yang ditetapkan, si pembeli didapati tidak mampu melunaskan hutangnya. Maka si penjual pun menambahkan lagi jumlah bayaran asal dengan bayaran tambahan iaitu dengan mengenakan faedah dan si pembeli pula menanggukkan lagi pembayaran hutangnya yang semakin bertambah.
- iv- Penggunaan perkataan ‘al’ pada perkataan al-ribā mengikut Dr. Muhammad Abd Mannan pula merujuk kepada amalan mengambil dari baki si berhutang. Hal tersebut banyak terjadi di kalangan masyarakat Arab di zaman Jahiliyyah dan sudah menjadi kelaziman pada amalan di kalangan mereka pada waktu al-Qur’ān diwahyukan.
- v- Mengikut Ibn al-‘Arabi pula, “Setiap pertambahan tanpa adanya ‘iwad atau pertukaran yang sama nilainya adalah riba.”
- v- Ribā juga didefinisikan sebagai lebihan atau tambahan bagi satu pertukaran atau jual beli sesuatu komoditi secara terakru kepada tuan punya (peminjam) tanpa ada ‘iwad bagi pihak pembeli atau peminjam. ‘Iwad merupakan satu ciri khusus dalam jual beli yang halal kerana jual beli memerlukan satu pertukaran nilai barangan dengan satu nilai pulangan yang setaraf untuk sesuatu barangan atau perkhidmatan yang diberikan.

Daripada berbagai tafsiran yang diberikan, para ulama secara keseluruhannya bersepakat bahawa riba terjadi pada dua perkara asas iaitu :

- i- Urusniaga jual beli
- ii- Tanggungan urusniaga kredit (hutang)

Sewaktu ayat-ayat al-Qur’ān mengenai riba diturunkan, terdapat beberapa bentuk urusniaga riba di Tanah Arab pada masa itu. Di antaranya adalah seperti berikut:

- i- Seseorang menjual sesuatu barangan kepada seorang pembeli dengan persetujuan bahawa bayaran akan diberikan pada suatu waktu tertentu. Jika si pembeli gagal membayar harga jualan pada waktu yang ditetapkan, satu tempoh masa lain akan diberikan dengan syarat satu jumlah tambahan akan dikenakan pada harga asal.
- ii- Seseorang memberi pinjam sejumlah wang untuk sesuatu tempoh yang ditetapkan dengan syarat selepas berlalunya tempoh itu, si penghutang perlu membayar wang pokok pinjaman dengan sejumlah tambahan yang telah ditetapkan.
- iii- Si pemiutang dan si penghutang sama-sama bersetuju atas kadar tambahan atau riba yang ditetapkan bagi suatu tempoh yang tertentu. Seandainya dalam tempoh tersebut, si penghutang gagal menjelaskan pinjamannya beserta jumlah tambahan yang dipersetujui, ia akan diminta menambahkan lagi kadar tambahan bagi tempoh masa lanjutan itu.

Berdasarkan kepada bentuk-bentuk perniagaan dan urusanniaga kredit yang mengandungi unsur riba di Tanah Arab di atas, takrif riba dalam Islam ialah penentuan awalan lebih daripada jumlah pokok pinjaman yang diterima oleh si pemiutang secara bersyarat dalam jangka masa yang tertentu. Riba mempunyai tiga unsur asas berikut, iaitu ;

- i- Lebih dari jumlah wang pokok.
- ii- Penentuan lebih tersebut bergantung kepada tempoh masa tertentu.
- iii- Persetujuan terhadap syarat lebih ditentukan terlebih dahulu dalam perjanjian pinjaman.

Oleh itu, setiap urusanniaga yang mempunyai tiga unsur di atas dianggap oleh ahli-ahli fiqh dan ekonomi Islam sebagai riba.

### **PERBEZAAN RIBA DAN AL-BAY'**

Masyarakat Arab Jahiliyyah sebelum kedatangan Islam tidak membezakan riba dan bay' kerana mereka menganggap kedua-duanya adalah perkara yang sama. Jika seseorang membeli pakaian dengan harga RM 3 dan menjualnya semula dengan harga RM 4, ia merupakan satu urusanniaga yang sah dan adil. Begitu juga jika seseorang memberi pinjam RM 3 kepada seseorang dan mendapat semula dari peminjam tersebut RM 4 juga merupakan satu urusanniaga yang adil dan sah. Ini kerana urusanniaga tersebut adalah berdasarkan perjanjian secara bersama di antara si pemiutang dan si penghutang.

Disebabkan itulah Allah s.w.t menjelaskan tentang situasi kekeliruan berkenaan perbezaan riba dan bay' yang berlaku di kalangan masyarakat Arab Jahiliyyah di dalam surah al-Baqarah iaitu dalam ayat 275 secara terperinci. Ayat dari surah al-Baqarah tersebut menjelaskan bahawa riba dan bay' adalah dua perkara yang berbeza. Dari segi hukum pula, riba adalah haram manakala bay' adalah halal di sisi Allah s.w.t. Bagi mengkaji perbezaan di antara riba dan bay', perlu dilihat perbezaan dari sudut definisi masing-masing. Perbincangan terperinci berkenaan definisi riba telah dibuat di bawah tajuk definisi riba di dalam bab ini.

Definisi bay' atau jual beli dari segi bahasa ialah menukarkan sesuatu dengan sesuatu. Manakala definisi dari segi syarak pula ialah satu akad pertukaran melibatkan harta yang memberi milik sesuatu benda atau manfaat secara berkekalan. Perjanjian jual beli hanya sah jika aqadnya melibatkan perolehan nilai pertukaran barangan yang setaraf atau 'iwad. Mengikut Ibn al-'Arabi, tjarah atau perniagaan melibatkan pertukaran komoditi (termasuk wang) dengan komoditi. Inilah yang dinamakan bay'. Jenis-jenis bay' berubah mengikut sifat sesuatu komoditi atau bentuk manfaat sesuatu komoditi.

Sebaliknya riba adalah suatu pertambahan yang yang tidak sah kerana hanya satu pihak yang menerima pertambahan atau riba tanpa memberi nilai pulangan yang sama atau setaraf dengan pihak yang satu lagi. Pertambahan yang didapati tanpa sebarang usaha ini merupakan akar umbi kepada ketidakadilan dan eksploitasi di dalam masyarakat. Ini kerana ia memberi kekayaan secara mudah kepada golongan peminjam wang yang mengumpul kekayaan dengan menekan golongan yang meminjam wang untuk tujuan penggunaan seperti keperluan-keperluan asas hidup atau tujuan pengeluaran seperti modal perniagaan dan sebagainya.

Menurut Prof. Madya Dr. Saiful Azhar Rosly, al-Bay' dalam erti kata yang luas ialah sebarang kegiatan perniagaan yang berjalan berpandukan pengambilan risiko sebagai syarat pengambilan untung. Ini meliputi jual beli tunai (bay' al-Musāwamah), jual beli hadapan (bay' salam dan istisnā'), sewaan (ijārah), al-Mudārabah dan al-Musyarakah.

Mengikut Abul A'Ala Maududi, terdapat empat perbezaan asas di antara bay' dan riba. Perbezaan tersebut adalah seperti berikut :

**Pertama :**

Di dalam urusan bay', agihan keuntungan yang saksama berlaku di antara penjual dan pembeli. Ini kerana pembeli mendapat faedah daripada barangan yang dibeli daripada penjual. Manakala penjual pula mendapat ganjaran daripada masa dan tenaga yang dikeluarkan untuk membekalkan barangan kepada pembeli. Sebaliknya agihan keuntungan tidak berlaku secara saksama di dalam urusan riba. Ini kerana pemberi pinjam wang menikmati keuntungan yang tetap dan pasti daripada wang yang dipinjamkan. Sedangkan orang yang berhutang

wang daripada peminjam wang masih tidak pasti sama ada dia akan memperolehi keuntungan atau kerugian jika dia merupakan seorang peniaga yang meminjam wang untuk tujuan modal perniagaannya. Apatah lagi jika seseorang itu meminjam wang untuk tujuan kegunaan harian seperti membeli makanan dan pakaian tentulah tiada langsung peluang untuknya mendapat pulangan untung.

**Kedua :**

Dalam bay', peniaga atau penjual hanya mengambil untung sekali sahaja. Dalam urusan riba pula, orang yang meminjamkan wang menerima keuntungan secara berterusan daripada modal yang mereka pinjamkan selagi wang pokok tidak dibayar. Jumlah keuntungan ini pula sentiasa bertambah dari masa ke semasa.

**Ketiga :**

Dalam bay', urusan niaga selesai dengan pertukaran barangan dengan harga dan pembeli tidak perlu memberi apa-apa lagi kepada penjual selepas itu. Sebaliknya bagi urusan riba, selepas pinjaman modal wang dikeluarkan, orang yang meminjam wang perlu membayar balik wang pokok bersama-sama dengan lebih faedah.

**Keempat :**

Dalam bay', seseorang itu mencari keuntungan dengan menggunakan tenaga, kemahiran dan kepandaian. Sebaliknya dalam urusan ribā, orang yang meminjamkan wang hanya mengeluarkan wang tanpa mengeluarkan tenaga, kemahiran atau usaha yang memerlukan kerja keras. Mereka menjadi rakan kongsi dalam perniagaan kepada orang yang meminjam wang secara tidak langsung. Bezanya mereka menjadi rakan kongsi yang tetap akan menerima faedah atau keuntungan tanpa mengira sama ada rakan kongsi mereka mendapat keuntungan atau kerugian dalam perniagaan.

Daripada beberapa perbezaan di antara bay' dan riba di atas, jelaslah bahawa keuntungan yang diperolehi daripada keduanya adalah amat berbeza sekali. Justeru itulah, Allah s.w.t. telah menghalalkan bay' dan mengharamkan riba yang menjadi asas kepada masalah ketidakadilan ekonomi dan sosial dalam masyarakat.

Perlu diingat bahawa Allah s.w.t. telah menghalalkan bay' atau perniagaan bukan hanya merujuk kepada amalan jual beli atau al-buyū' yang biasa sahaja. Bahkan, ia meliputi segala bentuk perjanjian atau kontrak yang pada asalnya menjanjikan pulangan dalam bentuk keuntungan. Ini kerana tiada sesiapa yang bersetuju untuk menjalankan urusan bay' atau perniagaan yang tiada jaminan untuk memperolehi keuntungan di masa hadapan.

## KESIMPULAN

Kefahaman umat Islam mengenai riba atau interest yang terdapat dalam sektor kewangan dan perbankan negara hari ini adalah amat penting. Ini kerana Allah s.w.t. telah mengharamkan amalan riba dalam apa keadaan sekalipun. Pengharaman Allah s.w.t. terhadap riba pula dilihat dari segi betapa keburukan yang akan timbul dari amalan riba akan memberi kesan yang amat besar kepada masyarakat umum. Masalah besar akan timbul di kalangan akidah dan kehidupan umat Islam sendiri seandainya mereka tidak dapat membezakan riba yang diharamkan oleh Allah s.w.t. dan al-bay' yang dihalalkanNya. Janganlah hendaknya umat Islam di Malaysia hari ini menjadi seperti orang Yahudi dan Arab Jahiliyyah semasa ayat pengharaman riba diturunkan pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. yang mengatakan bahawa al-Bay' adalah sama sahaja dengan riba. Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak akan mengharamkan sesuatu melainkan apabila terdapat kesan kemudaratan yang lebih besar disebalik kebaikan yang ada pada sesuatu perkara.

## RUJUKAN

- Abul A'Ala Maududi. 1984. *Economic System of Islam*. Lahore : Islamic Publications Ltd., h. 164 -165.
- Ab. Mumin Ab. Ghani (Dr.). 1999. *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 184.
- Abdel Moneim Mahmoud El-Gousi. 1982. *Riba Islamic Law and Interest*, Ph. D Thesis 1982, Temple University, Michigan. University Microfilms International 1986, h. 123.
- Afzal-ur-Rahman. 1980. *Doktrin Ekonomi Islam*. Zaharah Salleh (terj.), j. 3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 53.
- Ahmad ibn 'Umar al-Syātiri (t.t.), *al-Yāqut al-Nafis fi Mazhab Ibn Idris*, T.T.P : T.P, h. 74.
- Anwar Iqbal Qureshi. 1974. *Islam and the Theory of Interest*. Lahore : SH. Muhammad Ashraf, h. 44.
- al-Jammāl, Muhammad 'Abd al-Mun'im (Dr.). 1986. *Mansū'ah al-Iqtisād al-Islām wa Dirāsah Muqāranah*, c. 2. Beirūt : Dār al-Kitāb al-Lubnāni, h. 381.
- Al-Khātib. 1972. *Mughni al-Muhtāj*, j. 2. Misr : Dār al-Wafā', h. 21.

- al-Bukhāri, Muhammad b. Ismā'il Abū 'Abd Allāh. 1993. Sahih al-Bukhāri.
- al-'Ibbādi, Dr. 'Abd Allāh. 1994. Mawqifu al-Syari'ah min al-Masārif al-Islāmiyyah al-Ma'āsirah, c. 2. Mesir : Dār al-Salām lil-Taba'ah wa al-Nasyri' wa al-Tawzi', h. 65.
- al-Sarakhsi, Abū Bakr Muhammad ibn Abi Sahl (t.t.), Kitab al-Mabsūt, j. 12. Cairo : Matba'at al-Sa'ādah, h. 109.
- Al-Sābūni. 1981. Sāfwat al-Tāfāsir, j. 1. Beirūt : Dār al-Qur'ān , h. 318.
- al-Qurtubi, Abū al-Walid Muhammad b. Ahmad b. Muhammad b. Ahmad b. Rusyd. 1981. Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid, j. 2, c. 5. Kāherah : Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafā al-Bābi al-Halabi wa Awlādih, h. 128
- al-Zuhayli, Wahbah (Dr.). 1985. Al-Fiqh al-Islām wa Adillatuhu, j. 4. Syria : Dār al-Fikr, h. 668.
- Hāsyim Jamil 'Abd Allāh. 1975. Fiqh al-Imām Sa'id bin al-Musayyab, j. 3. Baghdād : Matba'ah al-Irsyād, h. 31.
- H. Sulaiman Rasjid. 1981. Fiqh Islam, c.18. Jakarta : Attahiriyah, h. 271.
- Ibn al-'Arabi, Abū Bakar Muhammad ibn 'Abd Allāh. 1957. Ahkām al-Qur'ān, j. 1. Cairo : 'Isā al-Bābi al-Halabi, h. 242.
- Ibn Jarir. 1967. Tafsir Ibn Jarir, j. 6. Misr : Dār Al-Ma'ārif, h. 8.
- Muhammad Abd Mannan. 1986. Islamic Economics: Theory and Practice. Cambridge : TheIslamic Academy, h. 118.
- Muhammad Abū Zahrah. 1985. Tahrim al-Ribā Tanzim Iqtisādi, c. 2. Riyādh : al-Dār al- Sa'ūdiyyah, h. 33.
- Muslim b. al-Hajjāj b. Muslim al-Qusyayri al-Nisaburi, Abū al-Husayn (t.t.), Sahih Muslim.
- Nabil A. Saleh. 1986. Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law. Cambridge : Cambridge University Press, h. 9-10.
- Prof. Madya Dr. Saiful Azhar Rosly. 1999. "Riba dan Faedah : Apa Perbezaannya ?", Dewan Ekonomi, Jun 1999, h. 51.

- Radiyah Abdul Kader. 1995. "Bank Islam Malaysia Berhad : Market Implications", dalam Saad Al-Harran (ed), *Leading Issues in Islamic Banking and Finance*. Kuala Lumpur : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd. , h. 116.
- Ramawan Abd. Rahman. 1996. "Riba dan Pelbagai Isu Mengenainya". (Kertas Kerja Kursus Intensif Ekonomi Islam di Institut Teknologi Mara Shah Alam, 5-6 September 1996), h. 4.
- Saad Abdul Sattar al-Harran. 1993. *Islamic Finance : Partnership Financing*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications, h. 16.
- Sayyid Qutb. 1983. *Fi Zilāl al-Qur’ān*, j. 1. Beirut : Dār al-Syurūq, h. 325.
- Sami Hassan Homoud. 1985. *Islamic Banking : The Adaptation of Banking Practice to Conform with Islamic Law*. London : Arabian Information Ltd. , h. 69-70.
- Siti Rohani Yahya. 1985. *Konsep Asas Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 205.
- Sudin Haron. 1996. *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd., h. 210.
- Zakariya Man. 1994. "Problems Related to the Practices of Profit Sharing Contracts" (Kertas Kerja 'Conference on Islamic Banking in Malaysia : Past, Present and Future' di Kuala Lumpur, 11 Oktober 1994)
- Ziaul Haque. 1995. *Riba : The Moral Economy of Usury, Interest and Profit*. Kuala Lumpur : Ikraq, h. 23.